



( PPU 013 )

## JABATAN PENERBANGAN AWAM

### **SYARAT-SYARAT AM PERMIT**

1. Keseluruhan had muatan pesawat hendaklah disewakan kepada orang perseorangan atau sebuah perbadanan atau sebuah organisasi bagi pelaksanaan sebarang tugas yang tercatat di bawah keratan 1 permit ini sahaja.
2. Perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan hendaklah berasaskan kepada perjalanan tidak berjadual. Walau bagaimanapun perkhidmatan-perkhidmatan ini boleh merangkumi sebarang rangkaian perjalanan mengandungi lebih daripada satu penerbangan bagi sesuatu jangka masa 7 hari melalui laluan yang sama ke destinasi yang sama untuk dan bagi pihak penyewa yang sama.
3. Meskipun terdapat peruntukan ( 2 ) di atas, operator berkenaan boleh dibenarkan bagi mengendalikan rangkaian perjalanan dan destinasi yang sama lebih daripada 7 hari untuk penyewa yang sama. Ini dibenarkan jika operasi berkenaan dilaksanakan di bawah suatu kontrak yang khusus diluluskan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia ( bagi tujuan ini sesuatu kontrak yang diikat hendaklah melebihi tempoh sahnya permit ini ).
4. Perkhidmatan-perkhidmatan sewa tidak dibenarkan diantara mana-mana dua tempat yang mempunyai perkhidmatan berjadual melainkan telah lebih dahulu diluluskan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam.
5. Pesawat-pesawat hendaklah didaftarkan di Malaysia.
6. Semua pesawat yang diluluskan di bawah permit ini hendaklah dipasang dengan alat yang khusus sesuai dengan tugas-tugas yang akan dikendalikan. Segala perubahan yang perlu bagi pemasangan tersebut memerlukan kelulusan khas daripada Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia terlebih dahulu. Bagi tugas-tugas khas diperlukan juga kelulusan pihak-pihak berkenaan.
7. Semua Juruterbang dan Jurutera hendaklah memiliki lesen-lesen yang sah yang ditentukan oleh pihak berkuasa perlesenan Malaysia atau pihak berkuasa negara dimana pesawat itu telah didaftarkan.

8. Sebelum memulakan operasi yang dibenarkan di bawah permit ini, pemegang permit hendaklah memajukan dokumen-dokumen dan sebarang tambahan/pindaan yang berikutnya bagi kelulusan Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia.
  - (a) Buku Panduan Operasi Operator
  - (b) Jadual Penyelenggaraan Pesawat
9. Setelah menjalankan operasi yang dibenarkan di bawah permit ini, pemegang permit ini hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen dan sebarang tambahan/pindaan yang berikutnya apabila diminta untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Malaysia.
  - (a) Buku Catatan Harian Teknik
  - (b) Catatan Muatan ( *Load Sheets* )
10. Pemegang permit tidak dibenarkan menandatangani sebarang kontrak pembelian, penyewaan dan penjualan pesawat atau apa-apa juga perjanjian yang boleh melibatkan permit ini tanpa terdahulu merujuk kepada pihak Jabatan ini.
11. Pemberian permit ini boleh ditarik balik atau dibatalkan bila-bila masa sahaja tanpa apa-apa alasan sekiranya pihak Jabatan tidak berpuas hati ke atas perjalanan operasi yang dijalankan.
12. Permohonan pembaharuan permit perlu menyatakan baki hutang semasa ( jika ada ) yang bertanggung kepada Jabatan.
13. Mengemukakan penyata kewangan tahunan sepanjang tahun permit dikeluarkan.
14. Mengemukakan senarai jenis perkhidmatan yang telah dijalankan sepanjang tahun termasuk tarikh dan destinasi penerbangan.
15. Pesawat-pesawat yang diluluskan untuk digunakan oleh syarikat tuan hendaklah mempunyai '*Certificate of Airworthiness*' yang sah.
16. Pesawat-pesawat yang digunakan hendaklah mempunyai perlindungan insuran yang sah.
17. Permit yang diluluskan ini adalah berkuatkuasa untuk tempoh satu (1) tahun dan perlanjutan tempoh tertakluk kepada kajian semula.

18. Permit akan dibatalkan sekiranya terdapat bukti-bukti bahawa pihak tuan tidak berkeupayaan untuk mengendalikan perkhidmatan penerbangan.
19. Permit akan dibatalkan sekiranya terdapat perubahan ekuiti tanpa kelulusan Jabatan ini.
20. Mempunyai Sijil Pengendalian Udara ( *Air Operator's Certificate* ) berdasarkan peruntukan para 24 atau Sijil Aplikasi Keudaraan (*Aerial Application Certificate*) berdasarkan para 65 dalam PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM, 1996 yang diluluskan oleh Jabatan ini.
21. Tambahan kepada pesawat yang sedia ada perlu mendapat persetujuan dan kelulusan Jabatan ini.
22. Kawasan operasi tuan adalah dalam negeri ( di Malaysia ) sahaja. Operasi keluar negeri hendaklah mendapat kelulusan Jabatan ini terlebih dahulu.
23. Menjelaskan fee bagi setiap permit yang diluluskan selaras dengan PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM, 1996 dalam Peraturan 186, Jadual kedua Belas, Bahagian B ( Caj-caj Lain ) di bawah Lesen dan Permit Perkhidmatan Udara. (Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan panduan mengenai kadar fee yang perlu dibayar kepada Jabatan ini).
24. Pemegang permit hendaklah juga mematuhi lain-lain syarat dan peraturan penerbangan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Jabatan ini yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

.....  
( **NIK AZIZ HJ. NIK HUSSAIN** )  
Pengarah  
Bahagian Pengangkutan Udara  
b.p: Ketua Pengarah Penerbangan Awam  
Malaysia.

Tarikh: 2004.

SAP2/Nahnh/rar.....

